

**Kerajaan Perlu Bijak Layani Tuntutan Pelbagai Pihak - Tun Mahathir
Bernama
30 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Kerajaan perlu bijak melayan tuntutan pelbagai pihak tanpa mengabaikan pegangan terhadap prinsip tertentu, kata bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Dulu bila kita (kerajaan Barisan Nasional) kuat, tak ada banyak sangat cabaran. Tapi bila lemah orang anggap kita akan layan mereka. Maka mereka buat tuntutan. Jadi bila tuntutan ini dibuat kita perlu kecekapan yang lebih daripada zaman dulu untuk tangani masalah ini.

"Saya tak kata kerajaan sekarang tak cekap. Cuma perlu ada kecekapan yang lebih," katanya kepada pemberita selepas berucap pada mesyuarat Meja Bulat Asia Pasifik ke-26 di sini Rabu.

Terdahulu dalam ucapannya bertajuk "Governance in Asia: What's Best and What Works", Dr Mahathir berkata kerajaan sekarang perlu mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dalam menguruskan negara.

Beliau berkata demokrasi bukan satu sistem yang mudah untuk mentadbir urus dan melaksanakan dasar-dasar kerana banyak perkara turut mengiringinya termasuk hak asasi manusia dan pelbagai bentuk kebebasan yang boleh membawa kepada kemusnahan dan ketidakstabilan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669900>